

**Kewujudan Universiti Jadi Nadi Pembangunan Kawasan - Najib Bernama  
3 Mac, 2013**

KANGAR, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kewujudan universiti di sesebuah kawasan dan negeri bukan sekadar melahirkan modal insan tetapi turut menjadi nadi pembangunan di kawasan dan negeri berkenaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa mahu kewujudan sesebuah universiti dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio ekonomi tempatan.

Katanya seperti di Perlis, dengan adanya Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sejak 11 tahun lepas, ia membantu pembangunan negeri ini menerusi impak ekonomi kepada penduduk.

Beliau berkata bukanlah sesuatu yang menghairankan kehadiran UniMAP membuatkan Perlis bertambah maju dan dinamik.

"Tanpa UniMAP saya percaya bukan sahaja tidak terdapat mangga harumanis tetapi pembangunan Perlis terbantut tetapi dengan adanya UniMAP, harumanis lagi besar dan pembangunan Perlis lagi hebat," katanya ketika merasmikan Kampus Induk UniMAP di Pauh Putra, dekat sini, hari ini.

Katanya kewujudan UniMAP di Perlis amat unik kerana kampus universiti itu berada di ketiga-tiga kawasan Parlimen di negeri ini.

"Biarpun Perlis belum ada hotel lima bintang tetapi pengajian kejuruteraan di UniMAP sudah mendapat penarafan lima bintang. Hotel lima bintang boleh dibuat kemudian hari tetapi yang lebih penting UniMAP mendapat lima bintang," katanya.

Katanya kerajaan Pusat berlaku adil kepada Perlis menerusi pembangunan UniMAP di negeri ini dan menambah dana dari semasa ke semasa.

Perdana Menteri berkata pembinaan sesebuah universiti adalah pelaburan yang strategik dan penting kerana tanpa modal insan berkualiti yang dapat menguasai ilmu-ilmu terkini, tidak ada mana-mana negara yang boleh maju ke hadapan.

"Malah negara-negara yg hadapi tekanan daripada luar dan konflik yang dahsyat pun amat sedar mereka perlu kepada modal insan berkualiti. Saya dapat lihat sewaktu melawat Gaza di mana walaupun Gaza keluasan separuh saiz Perlis mereka ada Universiti Al-Quds. Mereka sedar perjuangan negara Palestin itu bergantung kepada kualiti modal insan," katanya.

Pada sidang media selepas itu, Najib berkata Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan UniMAP telah menjalankan projek bernilai RM18 juta bagi menghasilkan mangga harumanis yang lebih besar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=931682>